

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**STW219 – Tingkahlaku Manusia dan Persekutaran Sosial**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan 1** di Bahagian A dan **DUA (2)** soalan yang lain di Bahagian B.

## BAHAGIAN A

Soalan ini **wajib** dijawab.

- 1) (a) Apakah yang anda faham dengan istilah di bawah? Berikan contoh yang bersesuaian dengan istilah tersebut.

- (i) “*Salad bowl*”  
(ii) “*Melting pot*”

(50 markah)

- (b) (i) Menurut kefahaman anda, negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang bagaimana?  
(ii) Bagaimana pula dengan negara seperti Amerika Syarikat?

Berikan jawapan anda dengan menggunakan kefahaman anda tentang masyarakat “*salad bowl*” atau “*melting pot*”.

(50 markah)

## BAHAGIAN B

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

- 2) (a) Bincangkan isu kelahiran mengikut kefahaman:

- i) agama anda atau  
ii) budaya anda.

(50 markah)

- (b) Huraikan perbezaan di antara budaya atau agama berbanding sains dalam isu kelahiran.

(50 markah)

- 3) (a) Huraikan teori Perkembangan Kognitif yang diutarakan oleh Piaget (*Cognitive Development*).

(50 markah)

- (b) Bagaimana teori tersebut dapat digunakan dalam amalan kerja sosial.

(50 markah)

- 4) (a) Bincangkan teori Perkembangan Psikoseksual (*Psychosexual Development*) yang diperkenalkan Sigmund Frued.  
(50 markah)
- (b) Berikan kritikan anda berhubung dengan teori ini.  
(50 markah)
- 5) (a) Mat Rempit merupakan satu masalah sosial di Malaysia. Bincangkan pendapat anda mengenai masalah ini.  
(20 markah)
- (b) Menurut pendapat anda apakah yang akan Freud katakan tentang masalah di atas? Kemukakan hujah anda dengan menggunakan teori Freud.  
(60 markah)
- (c) Senaraikan langkah-langkah utama yang anda boleh lakukan sebagai Pekerja Sosial dalam menangani masalah Mat Rempit.  
(20 markah)